

PERBADANAN KEMAJUAN PERUSAHAAN KAYU SARAWAK
Sarawak Timber Industry Development Corporation

IKLAN JAWATAN KOSONG

Rujukan : STIDC.7.HR(PER).06.1 (Jld.1) (7)

Bil : 1/2005

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi jawatan-jawatan berikut di Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak.

I)	Penolong Pegawai Ehwai Ekonomi, Gred E27	-	3 Kekosongan (Kuching)
II)	Pembantu Teknik, Gred J29	-	3 Kekosongan (Kuching/Kota Samarahan)
III)	Pembantu Ehwai Ekonomi, Gred E17	-	3 Kekosongan (Kuching/Stesen di Tebedu/Sematan Lubok Antu/Batu Lintang/Biawak)

I. PENOLONG PEGAWAI EHWAL EKONOMI

1. (a). **Jawatan** : **PENOLONG PEGAWAI EHWAL EKONOMI, GRED E27**

(b). **Kumpulan Perkhidmatan** : **Sokongan**

(c). **Klasifikasi Perkhidmatan** : **Ekonomi**

2. **Jadual Gaji** : **Gred** **Jadual Gaji Matriks**

Gred E27	:	P1T1 RM 963.64	-	P1T26 RM2421.69
		P2T1 RM1019.30	-	P2T26 RM2570.52
		P3T1 RM1077.38	-	P3T26 RM2724.19

3. **Syarat Lantikan** : Calon bagi lantikan Gred E27 hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

(i) Diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

(Gaji permulaan ialah pada Gred E27: P1T5); dan

(ii) Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

4. **Taraf Jawatan** : **Tetap**

5. **Deskripsi Tugas** :

(a). Bertanggungjawab membantu menyelaras urusan perlantikan dan kemudahan para anggota dan menjalankan tugas seperti diarah dari semasa ke semasa.

- (b). Bertanggungjawab membantu menyelaras program latihan berasaskan kemahiran (competency-based) dan kursus-kursus teknikal jangka pendek yang bersesuaian serta menjalankan tugas lain yang diarah dari semasa ke semasa.
- (c). Bertanggungjawab membantu dalam persediaan dan penyelarasan penyertaan PUSAKA dan pihak Industri dalam misi jualan, pameran antarabangsa, seminar dan lain-lain kegiatan galakan perdagangan di samping menjalankan tugas seperti diarah dari semasa ke semasa.

6. **Kekosongan** : **3 Jawatan**

7. **Tempat Kekosongan** : **Kuching**

II. PEMBANTU TEKNIK

1. (a). **Jawatan** : (i). **PEMBANTU TEKNIK (MEKANIKAL), GRED J29**
(ii). **PEMBANTU TEKNIK (UKUR BAHAN), GRED J29**
(iii). **PEMBANTU TEKNIK (SENIBINA), GRED J29**

(b). **Kumpulan Perkhidmatan** : **Sokongan**

(c). **Klasifikasi Perkhidmatan** : **Kejuruteraan**

2. **Jadual Gaji** : **Gred** **Jadual Gaji Matriks**

GRED J29	:	P1T1 RM1239.52	-	P1T21 RM2437.42
		P2T1 RM1296.39		P2T21 RM2593.51
		P3T1 RM1355.68		P3T21 RM2744.76

3. **Syarat Lantikan** : Calon bagi lantikan Gred J29 hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (i) Diploma dalam bidang kejuruteraan (mekanikal), senibina atau ukur bahan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya khususnya dalam bidang mekanikal, senibina ataupun ukur bahan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred J29: P1T2); DAN

- (ii) Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

4. **Taraf Jawatan** : **Tetap**

5. **Deskripsi Tugas** :

- (i). **Pembantu Teknik (Mekanikal)** : Bertanggungjawab menyelaras kerja-kerja kejuruteraan Mekanikal seperti membaikpulih enjin bagi semua jenis mesin pertukangan dan kemasiahan perabot, menentukan kualiti alat ganti dan menjalankan tugas-tugas yang diarah dari semasa ke semasa di Kompleks Perabot Industri PUSAKA, Kota Samarahan.

(ii). **Pembantu Teknik (Ukurbahan):** Bertanggungjawab menyelaras kerja-kerja yang berkaitan penilaian hartanah di Bandar Baru Tg. Manis, penyediaan anggaran kos untuk projek-projek yang sedang dilaksanakan dan menjalankan tugas-tugas yang diarah dari semasa ke semasa.

(iii). **Pembantu Teknik (Senibina) :** Bertanggungjawab menyelaras kerja-kerja pemantauan kontrak dan projek-projek yang sedang dilaksanakan terutama dari segi komponen senibina dan menjalankan tugas-tugas yang diarah dari semasa ke semasa.

6. **Kekosongan : 3 Jawatan**

7. **Tempat Kekosongan : Kuching dan Kota Samarahan**

III. PEMBANTU EHWAL EKONOMI

1. (a). **Jawatan : PEMBANTU EHWAL EKONOMI**

(b). **Kumpulan Perkhidmatan : Sokongan**

(c). **Klasifikasi Perkhidmatan : Ekonomi**

Jadual Gaji : Gred Jadual Gaji Matriks

**Gred E17 : P1T1 RM657.51 - P1T24 RM1722.31
P2T1 RM698.65 - P2T24 RM1819.11
P3T1 RM741.00 - P3T24 RM1919.54**

3. **Syarat Lantikan :** Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

(i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; ATAU

(ii) Sijil Institut Pertanian atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

(Gaji permulaan ialah pada Gred E17 : P1T8) DAN

(iii) kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

4. **Taraf Jawatan : Tetap**

5. **Deskripsi Tugas :**

(i). Bertanggungjawab membantu dalam kerja-kerja memproses, menyemak dan mengemaskini permohonan pendaftaran baru/pembaharuan/tambahan/pembatalan di samping menjalankan tugas-tugas lain yang diarah dari semasa ke semasa.

(ii) & (iii). Bertanggungjawab membantu dalam kerja-kerja pemeringkatan/periksa-peringkat, pengeluaran sijil -sijil pemeringkatan di samping membantu dalam pengumpulan maklumat berhubung dengan isu-isu perdagangan dalaman/ antarabangsa.

6. Kekosongan : 3 Jawatan

7. Tempat Kekosongan : Kuching

8. Penaklukan Dibawah Syarat-Syarat Perkhidmatan

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat Skim Perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

9. Umur (Pada Tarikh Tutup Iklan):

Calon-calon lantikan terus hendaklah berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.

10. Cara Memohon:

(a) Borang permohonan : STIDC.7.HR(PER).06.1 boleh dimuat turun melalui Laman Web <http://www.pusaka.gov.my> atau boleh didapati di alamat berikut :-

**PENGURUS BESAR
PERBADANAN KEMAJUAN PERUSAHAAN KAYU SARAWAK
BLOK PODIUM, WISMA SUMBER ALAM
PETI SURAT 194
93702 KUCHING SARAWAK**

[U.P.: SEKSYEN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (HRM)]

(b) Pemohon-pemohon yang berkehendakkan borang melalui pos hendaklah menyertakan sampul surat berukuran 16 sm x 23 sm beralamat sendiri dan dilekatkan setem RM2.00.

(c) Semua permohonan hendaklah disertakan dengan salinan gambar berukuran pasport, surat beranak, kad pengenalan, sijil-sijil keputusan peperiksaan dan sijil tamat persekolahan.

(d) Permohonan daripada pegawai-pegawai Kerajaan, Badan-badan Berkanun dan Kuasa Tempatan hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing. Permohonan hendaklah dikemukakan bersama Penyata Perkhidmatan dan Laporan Sulit daripada Majikan.

(e) Semua permohonan hendaklah ditulis Nombor Rujukan Iklan Jawatan Kosong dimuka sampul surat dan hendaklah dialamatkan kepada alamat seperti di para 10.(a) di atas.

(f) Permohonan yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.

11. Tarikh tutup : **31 Januari 2005.**